

PERTANDINGAN NYANYIAN LAGU IRAMA MALAYSIA 2019 ANTARA PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI

SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

1. NAMA PERTANDINGAN

Pertandingan Nyanyian Lagu Irama Malaysia 2019 di antara Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN)

2. PENGANJUR

Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)

3. TARIKH PERTANDINGAN

27 Julai 2019 (Sabtu)

4. TEMPAT

The TOP KOMTAR, Pulau Pinang

5. PERATURAN TAMBAHAN

Selain daripada peraturan yang sedia ada, Jawatankuasa Penganjur adalah berhak meminda/mengadakan syarat peraturan tambahan, selaras dengan matlamat penganjuran pertandingan.

6. KELAYAKAN PESERTA

Penyertaan terbuka kepada semua Pegawai Gred 41 dan ke atas yang masih bekerja dengan PKEN yang menyertai pertandingan ini.

7. PENDAFTARAN PESERTA

7.1 Setiap Perbadanan yang menyertai pertandingan ini dibenarkan menghantar satu pasukan mengandungi :-

- 1 orang Penyanyi Lelaki atau 1 orang Penyanyi wanita

7.2 Setiap penyanyi/peserta dikehendaki menyanyi 1 Lagu Irama Malaysia.

7.3 Peserta dikehendaki hadir sekurang-kurangnya 30 minit sebelum bermula di tempat pertandingan.

7.4 PKEN itu sendiri adalah bertanggungjawab mengurus segala perbelanjaan dan persiapan bagi peserta yang akan mengambil bahagian dalam pertandingan ini.

7.5 Pendaftaran nama-nama peserta hendaklah dilakukan dengan menggunakan borang yang disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola, hanya mereka yang berdaftar sahaja dibenarkan untuk mengambil bahagian.

8. CARA PERTANDINGAN

8.1 Setiap peserta perlu mempersembahkan 1 buah lagu sahaja iaitu lagu Irama Malaysia. Lagu perlulah menggunakan minus-one sendiri.

8.2 Lagu-lagu mestilah dipilih daripada lagu-lagu yang tersenarai seperti di bawah.

| SENARAI LAGU IRAMA MALAYSIA | | | |
|------------------------------------|---|-------------|--|
| BIL | PESERTA LELAKI | BIL. | PESERTA WANITA |
| 1. | Ala Canggung (tradisional Perlis) | 1. | Ayam Den Lapeh (Tradisional Negeri Sembilan) |
| 2. | Bunga Ros (Tan Sri S.M. Salim) | 2. | Awallah Dondang (Noraniza Idris) |
| 3. | Bonda (Dato' M.Nasir) | 3. | Balqis (Dato' Seri Siti Nurhaliza) |
| 4. | Cenderawasih (Dato' Ahmad Jais /Dato' Jamal Abdillah) | 4. | Bisikan Hati (Dato' Rafeah Buang) |
| 5. | Cinta Nusantara (Sheqal) | 5. | Bunga Tanjung (Dato' Sharifah Aini) |
| 6. | Fatwa Pujangga (S.Effendi) | 6. | Candak(Syura) |
| 7. | Keroncong Untuk Ana (Dato' M.Nasir) | 7. | Cindai (Dato' Seri Siti Nurhaliza) |
| 8. | Lancang Kuning (Dato' Jamal Abdillah) | 8. | Di Pinggir Kayangan (Dato' Sharifah Aini/Normah Kadir) |
| 9. | Musalmah Manis (Dato' M.Daud Kilau) | 9. | Dondang Dendang (Noraniza Idris) |
| 10. | Menanti Di Ambang Syurga (Dato' Ahmad Jais) | 10. | Ikan Di Laut Asam Di Darat (Tradisional) |

| | | | |
|-----|---|-----|--|
| 11. | Nyanyian Serambi (Dato' Ramli Sarip) | 11. | Kaparinyo (Tradisional) |
| 12. | Sempaya (Lagu Tradisional) | 12. | Kereta Lembu (Helen Vellu) |
| 13. | Seri Banag (Herman Tino) | 13. | Nazam Berkasih (Syura) |
| 14. | Sri Johor (Ghazal) | 14. | Nirmala (Dato' Seri Siti Nurhaliza) |
| 15. | Tak Seindah Wajah (Tan Sri S.M.Salim) | 15. | Pak Ngah Balik (Ghazal) |
| 16. | Watika Landak (Tradisional Terengganu) | 16. | Penawar Rindu (Orkid Abdullah) |
| 17. | Hitam Manis (Tradisional) | 17. | Sayang Di Sayang (Kartina Dahari) |
| 18. | Ya Ladan (Tradisional) | 18. | Selendang Mayang (Tradisional) |
| 19. | Joget Jambu Merah (Tradisional) | 19. | Siti Payung (Dato' Sharifah Aini) |
| 20. | Zapin Budi(Tradisional) | 20. | Tari Tualang Tiga (Sanisah Huri) |
| | | 21. | Tinting (Noraniza Idris) |
| | | 22. | Kain Songket (Tradisional) |
| | | 23. | Joget Rentak 106 (Tradisional) |

8.3 Tajuk dan lirik lagu yang akan disampaikan hendaklah diberikan bersama-sama semasa menghantar borang pendaftaran untuk tapisan.

9. PENGADILAN

9.1 Penganjur atau pengelola akan menyediakan juri-juri terdiri daripada mereka yang mahir dan mempunyai pengalaman dalam bidang nyanyian.

9.2 Markah penuh berjumlah 100% akan diberi berpandukan kepada ciri-ciri berikut :

- a) **Mutu Suara** - **40 markah**
 - i) Patah Lagu - 60%
 - ii) Pernafasan - 20%
 - iii) Sebutan - 20%

- b) **Tempo** - **30 markah**

- c) **Persembahan** - **20 markah**
 - i) Pakaian - 30%
 - ii) Tertib - 30%
 - iii) Penghayatan - 40%

9.3 Jika terdapat persamaan markah maka keutamaan akan diberi kepada peserta yang mendapat markah tertinggi mengikut susunan di bahagian mutu suara, tempo dan persembahan.

9.4 Keputusan Juri adalah **MUKTAMAD**.

10. HADIAH

10.1

| KEDUDUKAN | KATEGORI LELAKI/PEREMPUAN | |
|--------------------------------|------------------------------|----------------|
| | HADIAH UTAMA (WANG TUNAI) | HADIAH IRINGAN |
| Johan | Piala | Sijil |
| Naib Johan | Piala | Sijil |
| Ketiga | Piala | Sijil |
| Saguhati tempat ke-4 hingga 12 | Medal | Sijil |
| Persembahan Terbaik | Piala Iringan | Sijil |